

BAB DUA

PENYELIDIKAN PERPUSTAKAAN

BAB DUA

PENYELIDIKAN PERPUSTAKAAN

2.0 PENGENALAN

Sebagai permulaan bagi bab ini, terlebih dahulu pengkaji akan membincangkan tentang isu-isu yang berkaitan dengan tulisan Jawi iaitu fokus kepada sejarah penyebaran dan perkembangan penggunaan tulisan Jawi hasil daripada kajian perpustakaan yang telah dilakukan oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji juga akan membincangkan tentang huruf-huruf Jawi, sistem ejaan dan perancangan ejaan Jawi, hubungan tulisan Jawi dengan bahasa Melayu serta kepentingan-kepentingan tulisan Jawi bagi masyarakat Melayu.

2.1 SEJARAH PENYEBARAN TULISAN JAWI

Tulisan Jawi telah tersebar dengan meluas di Alam Melayu khasnya. Dengan penyebaran tulisan Jawi inilah telah mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan atau *lingua franca*. Bahasa Melayu bertulisan Arab atau Jawi ini telah digunakan dalam bidang pentadbiran, pendidikan, perutusan dan sebagainya. Tulisan Jawi telah tersebar dengan meluas di Alam Melayu ini terutamanya dalam zaman bahasa Melayu Klasik. Tulisan Jawi bukan sahaja digunakan di Semenanjung Tanah Melayu dari Singapura ke Patani, bahkan di Pulau Sumatera iaitu di Aceh, Deli, Serdang, Langkat, Asahan, Pasai, Minangkabau, Siak, Riau, Jambi, Palembang, Bengkulu dan Lampung. Begitu juga halnya di Banten, Jakarta, Bali, Sumbawa, Kalimantan khususnya di Brunei, Sambas, Pontianak,

Banjarmasin, Sarawak dan beberapa daerah lain termasuk Sabah. Selain itu, tulisan Jawi juga pernah digunakan juga di Indonesia Timur seperti dalam kerajaan-kerajaan Tidore, Ternate, Ambon, Makassar dan lain-lain (Amat Juhari Moain, Nov 1992:1065).

Tulisan Jawi adalah tulisan yang paling luas digunakan terutama dalam zaman bahasa Melayu Klasik dan zaman peralihan. Bahkan sampai ke zaman moden ini pun masih banyak lagi orang-orang Melayu dan juga Indonesia, Singapura dan Brunei Darussalam yang masih lagi menggunakan tulisan Jawi terutama dalam bidang agama sama ada di sekolah-sekolah agama, madrasah, sekolah pondok, masjid dan juga surau.

Tulisan Jawi juga tersebar dengan begitu meluas di kawasan Asia Tenggara ini. Tulisan Jawi bukan sahaja digunakan di daerah bahasa Melayu tetapi juga bahasa-bahasa lain seperti bahasa Jawa di Pulau Jawa. Tulisan Jawi di daerah ini di kenali sebagai tulisan Pegon. Manakala orang-orang Bugis di Sulawesi Selatan menggunakan tulisan Serang yang juga berasal daripada tulisan Jawi atau Arab (Amat Juhari Moain dalam Jurnal Dewan Bahasa, Nov 1991:1002). Keadaan ini menggambarkan bahawa tulisan Jawi telah tersebar dengan begitu meluas bukan sahaja di kawasan yang menggunakan bahasa Melayu tetapi juga kawasan-kawasan lain di Asia Tenggara. Di Pulau Jawa, khususnya di Jawa Tengah dan Jawa Timur, tulisan Pegon ini merupakan salah satu antara tiga jenis huruf bahasa Jawa, iaitu tulisan India (yang melahirkan tulisan Jawa Kuno dan Kawi), Arab dan Latin.

Banyak kitab agama Islam dalam bahasa Jawa sama ada yang memakai tulisan tangan (manuskrip) atau cetak batu yang menggunakan tulisan Pegon ini

(Amat Juhari Moain, 1996:18-19). Ini membuktikan bahawa tulisan Jawi pernah tersebar di kawasan ini pada suatu masa dahulu. Tulisan Jawi juga telah tersebar ke Pulau Madura yang terletak di Timur Pulau Jawa. Ini terbukti dengan terdapatnya sejarah yang mana raja-rajanya ada menulis surat berbahasa Melayu bertulisan Jawi kepada wakil Raja Belanda di Jakarta. Begitu juga dengan raja Jambi dan Bengkulu. Bahkan William Marsden telah mempelajari tulisan Jawi pada awal abad ke-19 di Bengkulu di Pantai Barat Sumatera bahagian selatan (William Marsden, 1984 petikan Amat Juhari Moain dalam Jurnal Dewan Bahasa, Nov 1991:1003). Tulisan Jawi juga tersebar ke Indonesia Timur yang mana terdapatnya penggunaan tulisan Jawi untuk bahasa Melayu. Ini termasuklah yang digunakan dan dipelajari oleh orang-orang Kristian di daerah tersebut seperti Ambon dan Makasar.

Orang-orang Melayu yang tinggal di Kemboja dan Thailand terutamanya Thailand Selatan menggunakan tulisan Jawi. Tulisan ini telah wujud di daerah-daerah ini pada abad ke-17 hingga abad ke-19. Bahkan, di daerah Patani, seluruh tulisan berbahasa Melayu terutama kitab-kitab agama ditulis dengan tulisan Jawi. Hal ini dapat kita saksikan dalam kitab-kitab karangan Syeikh Daud Patani dan Syeikh Mohd. Ismail bin Daud al-Fatani seperti kitab-kitab *Furu' al Masa'il* dan *Matla' al-Badrain*.

Selain daripada orang Melayu, orang Banjar dan Bugis juga menggunakan tulisan Jawi ini untuk menuliskan bahasa mereka. Bagi orang Banjar, mereka lebih mudah membaca kitab-kitab agama dalam bahasa Melayu kerana bahasa ini digunakan untuk pengajian Agama Islam. Orang Bugis pula menggunakan dua jenis tulisan iaitu tulisan Jawi dan tulisan Bugis. Antoine Cabaton (1981:223-251, petikan Amat Juhari Moain dalam Jurnal Dewan Bahasa, Nov 1991:1002) memberikan

keterangan terdapat bukti kukuh bahawa di Campa, Vietnam terdapat penduduknya yang menggunakan tulisan Jawi disamping tulisan Campa sendiri yang dipinjam daripada tulisan Hindu.

Dalam empayar Aceh sejak sebelum zaman Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1606-1636 Masihi) hingga ke zaman-zaman yang kemudian telah menggunakan tulisan Jawi untuk bahasa Melayu dan Aceh. Manakala dalam empayar Melayu Brunei, peranan tulisan Jawi cukup menonjol dan penyebarannya cukup meluas. Tulisan Jawi bukan sahaja digunakan di daerah induk empayar Brunei di Teluk Brunei, tetapi juga di Sarawak, pantai Barat Sabah, pantai utara dan timur Sabah hingga ke Filipina Selatan dan Tengah (Amat Juhari Moain, Nov 1991:1002-1003).

Raffles, Crawfurd dan lain-lain telah mempelajari bahasa Melayu dan tulisan Jawi di Singapura dibawah bimbingan Abdullah Munsyi. Ini membuktikan bahawa tulisan Jawi juga telah tersebar ke Singapura. Daerah Semenanjung dan Kepulauan Riau yang di selatannya adalah pusat penyebaran dan penggunaan tulisan Jawi sudah wujud sebelum kerajaan Melayu Melaka lagi (Amat Juhari Moain, Nov 1991:1003).

Di luar Asia Tenggara seperti di Sri Lanka, tulisan Jawi juga digunakan untuk bahasa Melayu. Bahasa Melayu digunakan sejak akhir abad ke-18 oleh orang-orang Melayu yang tinggal di Sri Lanka. Bahkan mereka pernah menerbitkan akhbar Melayu bertulisan Jawi pada tahun 1869, iaitu tujuh tahun lebih awal daripada terbitnya akhbar *Jawi Peranakan* yang selama ini dianggap sebagai akhbar Melayu yang tertua. Akhbar ini berjudul *Alamat Langkapuri*. Selain itu, tulisan Jawi juga

telah tersebar ke Asia Barat terutamanya di Mekah dan di Mesir yang mana terdapatnya penggunaan tulisan Jawi untuk kitab-kitab bahasa Melayu yang dicetak di sana. Tulisan Jawi juga pernah digunakan oleh orang-orang Melayu yang dihalau atau dibuang oleh para penjajah ke Afrika Selatan (Amat Juhari Moain, Nov 1991:1002-1003).

Dengan itu, jelas terbukti bahawa tulisan Jawi telah tersebar dengan meluas bukan hanya di daerah-daerah yang penuturnya berbahasa Melayu tetapi juga di daerah-daerah lain di Asia Tenggara seperti di daerah-daerah penuturnya berbahasa Jawa dan bahasa Aceh. Selain itu, tulisan Jawi juga telah tersebar ke Asia Barat dan juga Asia Tengah.

2.2 PERKEMBANGAN PENGGUNAAN TULISAN JAWI

Pada suatu masa dahulu, tulisan Jawi amat luas digunakan dan dapat diterima oleh masyarakat dari hari ke hari, tahun ke tahun dan abad _ambing. Pada mulanya, tulisan Jawi digunakan di prasasti-prasasti atau batu-batu bersurat seperti di batu-batu bersurat yang di temui di Sungai Tersat, Kuala Berang, Hulu Terengganu yang bertarikh pada hari Jumaat, 4 Rejab 702 Hijrah bersamaan 22 Februari 1302 Masihi (S.M.N al-Attas, 1970:24 petikan Amat Juhari Moain dalam Jurnal Dewan Bahasa, Nov 1991:1002). Prasasti ini merupakan prasasti bertulisan Jawi yang tertua yang pernah ditemui setakat ini. Teks pada prasasti ini merupakan satu pengumuman tentang undang-undang jalan dan berkuatkuasa di tempat didirikan prasasti tersebut, iaitu di Terengganu. Pada prasasti itu terukir peraturan-peraturan dan _ambi-hukum terhadap sesuatu perlanggaran undang-undang yang telah di tetapkan di negeri itu (Amat Juhari Moain, 1996:20-21). Selepas itu, tulisan Jawi mula digunakan di batu-

tertua bertarikh pada 1521 yang ditulis oleh Sultan Ternate, Maluku kepada Raja Portugal.

Jumlah manuskrip Melayu pada masa ini mencapai angka 15,000 dan tersebar di pelbagai perpustakaan dan muzium di dunia ini. Sekurang-kurangnya terdapat 14 buah negara di dunia yang memiliki manuskrip Melayu seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Perancis, Portugis, Jerman, Itali, Russia, Sri Lanka, Jepun, Korea dan lain-lain selain Malaysia, Indonesia dan Singapura. Kitab-kitab dan buku-buku ini adalah berbagai-bagai ragam, antaranya ialah kitab agama, ilmu fiqh, tafsir, al-Hadith, tasawwuf, perukunan, hikayat para nabi, sirah Nabi Muhammad SAW, sejarah, hikayat dan riwayat para sahabat, hikayat raja Islam dan kerajaan Islam (Amat Juhari Moain, 1996 : 22).

Selain itu, terdapat juga buku perubatan dan perdukunan Melayu, mujarabat, bintang 12, kitab fal dan yang seumpamanya. Begitu juga terdapat buku-buku tentang hikayat negeri-negeri di Asia Tenggara terutamanya negeri-negeri Melayu. Di samping itu, terdapat kitab-kitab hikayat, cerita-cerita terjemahan daripada bahasa Sanskrit (yang diwarisi daripada zaman Hindu), Arab dan lain-lain. Begitu juga dengan undang-undang, hukum kanun dan lain-lain (Amat Juhari Moain, 1996:22).

Surat khabar dan majalah juga menggunakan tulisan Jawi. Contohnya seperti surat khabar *Alamat Langkapuri* (Colombo 1969), Majalah *Bustan Arifin* (Melaka 1236 Hijrah/1821 Masihi), surat khabar *Jawi Peranakan* (Singapura 1876), dan majalah *al-Imam* (Singapura 1906) (Amat Juhari Moain, 1996:22).

Selain daripada buku-buku, surat khabar dan majalah, piagam dan teks pemasuhan juga menggunakan tulisan Jawi. Contohnya seperti tulisan pada teks ciri yang dibacakan ketika melantik seseorang itu menjadi pembesar sebagaimana yang masih dilakukan di Negara Brunei Darussalam (Ikhtisar Budaya Brunei, 1976:13-18 petikan Amat Juhari Moain, 1996:22). Pemasuhan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957 juga mempunyai teks dalam tulisan Jawi yang ditandatangani oleh al Marhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.

Dengan itu, penggunaan tulisan Jawi telah berkembang dengan pesatnya dan ia digunakan dalam pelbagai bidang kehidupan sehingga telah mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa *lingua franca*.

2.4 HURUF-HURUF JAWI

Menurut Amat Juhari Moain (1996:24), huruf-huruf Jawi yang digunakan dalam tulisan Jawi terdiri daripada dua jenis. Pertama, huruf yang diambil secara langsung daripada huruf-huruf Arab yang digunakan dalam al-Quran, iaitu kitab suci bagi orang Islam. Kedua, huruf-huruf yang dibentuk kemudian bagi melambangkan beberapa fonem Melayu yang tidak ada lambangnya dalam huruf asli Arab.

2.3.1 Huruf-huruf Arab

Huruf-huruf Arab diambil seluruhnya, iaitu segala huruf yang ada dalam huruf Arab klasik, iaitu:

ا ب ت ث ج ح خ د د ر ز س ش ص ض ط ظ ع غ ف ق ك ل م ن و ه لاء ي

Huruf-huruf ini perlu diambil dan diserap ke dalam tulisan Jawi kerana dalam bahasa Melayu terdapat banyak kata-kata Arab yang dijadikan kata-kata Melayu dan juga kata-kata istilah agama yang dijadikan kata istilah dalam bahasa Melayu. Kata-kata ini semuanya menggunakan fonem-fonem Arab yang memerlukan lambang-lambang yang khusus dalam kata Arab dan lambang-lambang itu hanya ada dalam huruf atau aksara Arab. Ada antara kata Arab itu yang telah diserap ke dalam bahasa Melayu dan tidak lagi mengikut lafaz atau sebutan dalam bahasa Arab. Tetapi, kata-kata ini hanya untuk kata-kata biasa. Bagi kata-kata istilah agama ia tidak dapat diserap dan diubah mengikut lidah Melayu kerana ini akan melanggar peraturan tartil bacaan bagi al-Quran. Oleh sebab itu, kata-kata ini dikenalkan lafaznya sebagaimana yang ada dalam bahasa Arab (Amat Juhari Moain, 1996:24-25).

2.3.2 Huruf-huruf Tambahan

Huruf-huruf tambahan ialah huruf-huruf yang dicipta khusus bagi melengkapkan huruf-huruf Jawi supaya dapat melambangkan fonem-fonem Melayu yang tidak dapat dilambangkan oleh huruf-huruf Arab sebanyak enam huruf iaitu

ف ڦ ڻ ڻ ڻ ڻ

Lima huruf iaitu ج غ ن ک ڦ telah diwujudkan sejak dahulu lagi, sedangkan huruf ڙ (untuk fonem [v]) baru dicipta dalam Konvensyen Kebangsaan Tulisan Jawi yang diadakan di Terengganu pada tahun 1984. Sebenarnya, sebelum tahun 1936 telah dicipta huruf ڦ untuk melambangkan huruf [v] dalam tulisan Jawi (lihat Ibrahim bin Abd.Salam, petikan Amat Juhari Moain, 1996:26). Tetapi, nampaknya tidak ada orang yang mencuba mengembangkan penggunaan bentuk huruf tersebut atau mungkin tidak ada orang yang tahu kewujudan huruf bentuk ini, sehingga terpaksa dicipta lambang yang baru dalam Konvensyen Tulisan Jawi. Ke enam-enam huruf di atas adalah untuk melambangkan fonem-fonem berikut:

Huruf Jawi	Fonem
ڻ	c
ڦ	ng
ڻ	ny
ک	g
ڦ	p
ڙ	v

Huruf-huruf ج غ ن ک ڦ dan ڙ adalah untuk melambangkan fonem Melayu asli sedangkan ڙ untuk melambangkan fonem Inggeris [v] yang diserap ke dalam bahasa Melayu.

Huruf-huruf Jawi yang diciptakan ini sebenarnya menggunakan rumah huruf-huruf Arab dan yang berbeza hanyalah jumlah titik yang diberi seperti yang berikut:

- Huruf  daripada huruf Arab  dengan meletakkan tiga titik di tengah-tengah .
- Huruf  daripada huruf Arab  dengan meletakkan tiga titik di atas .
- Huruf  daripada huruf Arab  dengan meletakkan satu titik di atas.
- Huruf  daripada huruf Arab  dengan meletakkan tiga titik di atas.
- Huruf  daripada huruf Arab  dengan meletakkan tiga titik di atas.
- Huruf  daripada huruf Arab  dengan meletakkan satu titik di atas.

2.4 BENTUK-BENTUK TULISAN JAWI

Bentuk-bentuk tulisan Jawi akan berubah mengikut kedudukannya sama ada berfungsi sebagai huruf tunggal, huruf awal, huruf tengah dan juga huruf akhir. Tetapi terdapat juga huruf yang hanya ada satu bentuk. Contohnya seperti huruf (﴿) yang hanya mempunyai satu bentuk huruf. Menurut Amat Juhari Moain (1996:30), bentuk-bentuk tulisan Jawi mengikut kedudukannya adalah seperti dalam jadual di bawah:

Hujung/Akhir	Tengah	Awal	Tunggal
-	-	-	١
ب ت ث	ب ت ث	ب ت ث	ب ت ث
ج ح خ	ج ح خ	ج ح خ	ج ح خ
د ذ ر ز	-	-	د ذ ر ز
س ش	س ش	س ش	س ش
ص ض	ص ض	ص ضا	ص ض
ط ظ	ط ظ	ط ظ	ط ظ
ع غ غ	ع غ غ	ع غ غ	ع غ غ
ف ق	ف ق	ف ق	ف ق
ق	ق	ق	ق
ك ك ك ك	ك ك	ك ك	ك ك ك ك
ل	ل	ل	ل
م	م	م	م
ن ن	ن	ن پ	ن ن
و و	-	-	و و
ه	ه	ه	ه
-	-	-	ء
ي	ي	ي	ي

2.5 SISTEM EJAAN JAWI

Tulisan Jawi adalah satu jenis sistem tulisan yang ditulis dari kanan ke kiri. Sistem tulisan ini tidak mempunyai huruf besar atau huruf kecil. Dalam sistem ini, yang ada cuma perubahan bentuk kepada huruf-huruf apabila ditulis secara tunggal atau berangkai (Pedoman Ejaan Jawi yang disempurnakan, 1987:1) seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

Pada mulanya, sistem ejaan Jawi banyak dipengaruhi oleh ejaan Arab kerana ia ditiru dari tulisan Arab. Tetapi, lama-kelamaan unsur-unsur tersebut semakin hilang apabila tulisan Jawi semakin berkembang dari masa ke masa. Selepas itu, timbul pula sistem ejaan Jawi pengaruh Melayu yang dicipta oleh orang Melayu kerana sistem tulisan Jawi pengaruh Arab banyak menimbulkan masalah seperti masalah homografi terutamanya dalam sistem ejaan Jawi pengaruh Arab dalam tahap yang kedua yang tidak menggunakan sistem baris.

2.5.1 Sistem Ejaan Jawi Bercirikan Huruf Arab

Ejaan Jawi yang bercirikan huruf Arab boleh dipecahkan kepada dua tahap. Pada tahap yang pertama, sistem ejaan Jawi yang asal adalah mengikut ejaan Arab iaitu dengan menggunakan baris atau diakritik. Sistem ejaan dalam bentuk sebegini boleh dilihat dalam manuskrip-manuskrip Melayu lama seperti seperti manuskrip *Aqa'id al-Nasafi* bertarikh 998 Hijrah atau 1590 Masihi yang merupakan manuskrip yang tertua yang pernah dijumpai. Selain itu, ejaan Jawi yang bercirikan huruf Arab boleh juga didapati dalam surat-surat seperti surat untuk Harry Middleton (1602 Masihi), surat Raja Aceh (1602 Masihi) dan lain-lain lagi. Contohnya :

Pada zaman awal tulisan Jawi, tanda-tanda baris digunakan untuk semua ejaan perkataan tidak kira sama ada susah atau mudah sesuatu sebutan perkataan itu. Buktiannya, dalam kitab *Aqa'id al-Nasafi*, terdapat juga perkataan yang mudah yang diletakkan tanda baris. Contohnya seperti perkataan كاج (kaca) (Amat Juhari Moain dalam Jurnal Dewan Bahasa, Nov 1991:1005). Dalam buku *A Dictionary and Grammar of the Malayan Language* yang disusun oleh William Marsden bertarikh pada tahun 1812, terdapat keterangan ejaan kata-kata Melayu yang menggunakan tanda-tanda baris. Contohnya : فارت ، حق ، حفور .

Sistem ejaan Jawi yang bercirikan huruf Arab tahap kedua masih seperti tahap pertama, iaitu ejaannya tanpa menggunakan huruf vokal, tetapi tanda-tanda baris digugurkan. Ini bermakna ejaan bagi kata-kata yang tersebut di atas masih tetap sama. Apa yang berbeza hanyalah tidak ada tanda baris (Amat Juhari Moain, 1996:32). Contohnya :

جك ، مك ، ات ، ارت ، اد

Pada asalnya, ejaan-ejaan tersebut berbaris seperti berikut :

جك ، مك ، ات ، ارت ، اد

Sistem ejaan tanpa baris ini timbul setelah sistem ejaan tahap pertama telah mantap digunakan. Para penggunanya telah mahir dengan huruf-huruf yang digunakan. Dengan itu, bantuan tanda-tanda baris sudah tidak diperlukan lagi. Namun, bagi kata-kata yang baru atau yang boleh mengelirukan sebutannya masih dibubuh tanda baris supaya pembaca mudah menyebutnya (Amat Juhari Moain, 1996:32).

Sistem ejaan Jawi yang bercirikan huruf Arab tahap kedua ini, sekalipun ringkas dan tidak banyak menulis tanda-tanda baris atau diakritik tetapi sistem ejaan ini banyak menimbulkan kekeliruan dan kesukaran (Amat Juhari Moain, 1996:33). Antaranya ialah seperti para pembacanya amat sukar untuk membunyikan sebutan sesuatu kata dengan tepat dan jitu, banyak menimbulkan kata yang homografi iaitu perkataan yang mempunyai ejaan yang sama tetapi lafaz yang berlainan dan timbulnya ketaksaan makna yang banyak. Contohnya ialah seperti ejaan **تَبْكَ** adalah untuk perkataan-perkataan "tambak", "tombak", "tembak", "tumbuk", "tembuk", "tembok" dan "tombok".

Daripada contoh-contoh tersebut, jelaslah bahawa sistem kedua ini mempunyai terlalu banyak kelemahannya. Sistem ejaan itu akan menimbulkan kekeliruan dalam sebutan, makna dan konsep. Dengan sebab itulah, orang Melayu telah mencipta sistem ejaan Melayunya sendiri dan meninggalkan sistem ejaan yang bercirikan huruf Arab.

2.5.2 Sistem Ejaan Jawi Bercirikan Huruf Melayu

Dalam sistem ejaan Jawi bercirikan huruf Melayu, huruf-huruf saksi (vokal) telah diwujudkan iaitu dengan menetapkan huruf-huruf ۲, ۴ dan ۵ menjadi huruf saksi yang berfungsi sebagai huruf benar. Sistem ejaan Jawi yang bercirikan huruf Melayu ini juga mempunyai dua tahap. Pada tahap yang pertama, hanya pada suku kata yang pertama sahaja yang diletakkan huruf saksi. Contohnya : موار , برم ، سوك ، کود.

Sistem ini dapat mengurangkan ketaksaan sebutan dan makna, tetapi kelemahannya tetap ada (Amat Juhari Moain dalam Jurnal Dewan Bahasa, Nov 1991:1006). Bentuk homograf masih wujud walaupun tidak sebanyak seperti yang wujud pada ejaan Jawi yang bercirikan Arab tahap ke dua. Dengan itu, ketaksaan makna, ketaksaan konsep, perbezaan tanggapan dan kekeliruan pemahaman akan tetap timbul. Terdapat banyak kata yang boleh dilafazkan lebih daripada satu sebutan yang membawa kepada perbezaan makna. Contohnya:

1) بيت → beta / bait

2) لکي → laki / laku

Menurut Winstedt (Malay Grammar:37, petikan Amat Juhari Moain, 1996:35), jenis ejaan tersebut begitu meluas digunakan pada zaman bahasa Melayu Klasik terutama pada zaman yang terakhir seperti pada abad yang ke-17 hingga awal abad yang ke-20. Dengan itu, jenis ejaan ini banyak digunakan dalam manuskrip-manuskrip Melayu, kitab-kitab kuning, kitab-kitab cap batu dan juga kitab bercetak

pada zaman bahagian awal abad ini. Contohnya seperti kitab *Hidayat al-Salikin*, *Furu' al-Masa'il* dan juga *Sabil al-Muhtadin* (Amat Juhari Moain dalam Jurnal Dewan Bahasa, Nov 1991:1006). Sistem ejaan ini sebenarnya telah mula stabil sejak awal abad ke-17 lagi.

Pada akhir abad ke-19 iaitu dalam sistem ejaan yang bercirikan huruf Melayu tahap kedua, huruf-huruf saksi telah digunakan sepenuhnya iaitu huruf-huruf saksi (vokal) diletakkan pada kedua-dua suku kata. Ejaan tersebut timbul akibat daripada kelemahan yang wujud dalam sistem ejaan yang bercirikan huruf Melayu yang pertama. Kaedah tersebut dapat memperlihatkan perkataan-perkataan yang dilafazkan adalah lebih jelas dan tepat serta jarang-jarang mendatangkan kekeliruan.

Contohnya :

Jawi	Rumi
لا ^ن و	Lagu
لا ^ك ي	Laki
لا ^ك ا	laga

Jawi	Rumi
گي ^ك ي	Gigi
چو ^ك اي	Cukai
بيلق	bilik

Sistem ejaan yang terakhir ini dapat menyelesaikan banyak masalah yang mengelirukan yang wujud dalam sistem yang terdahulu. Namun, sistem ini tidak sunyi daripada kelemahan. Kelemahan yang paling menonjol ialah kekurangan huruf-huruf saksi (vokal) dalam tulisan Jawi bagi melambangkan fonem-fonem vokal

Melayu. Dalam bahasa Melayu terdapat enam vokal (a,e,i,o,u,â) sedangkan dalam huruf Jawi terdapat tiga huruf saksi sahaja (‘, و, ی). Oleh itu, keadaan sebegini juga menimbulkan masalah homografi sekurang-kurangnya untuk dua perkataan (Amat Juhari Moain, 1996:35-37). Contohnya :

Jawi	Rumi
بِيلِق	bilik / belek
بوروغ	burung / borong

2.6 PERANCANGAN EJAAN JAWI

Pada zaman awal kemunculannya, sistem ejaan Jawi tidak mempunyai satu panduan atau pedoman yang khusus dan jelas. Ejaan-ejaan itu berubah secara beransur-ansur dan tanpa ada panduan yang tersurat sebagaimana yang wujud pada masa ini (Amat Juhari Moain, 1996:70). Hudson (1892) hanya menerangkan ejaan-ejaan yang ada. Tetapi peraturan yang tersusun untuk menggunakan ejaan-ejaan tadi, sama ada pengaruh Arab atau Melayu tidak ada. Itulah sebabnya terdapat perbezaan ejaan antara seorang penulis dengan seorang penulis yang lain dan juga antara satu tempat dengan satu tempat yang lain.

Pedoman ejaan Jawi yang disusun dengan bersistem baru wujud pada abad ke-20 ini sahaja. Sehingga kini, terdapat empat jenis pedoman yang terkenal di kalangan masyarakat.

2.6.1 Pedoman Bagi Hejaan (P.Bm.P.B.Diraja)(Ejaan Pakatan)

Pedoman ini disusun oleh Mejor Dato' Haji Muhammad Said Sulaiman bagi pihak *Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku-buku Diraja Johor* (P.Bm.P.B. Diraja) dan telah diterbitkan pada tahun 1937 (Amat Juhari Moain dalam Jurnal Dewan Bahasa, Nov 1991:1007). Panduan ejaan ini digunakan secara rasmi oleh *Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor* (P.Bm.P.B Diraja Johor) dan juga oleh kerajaan Johor. Contohnya ialah *Majalah Peredar* (jurnal bagi Pakatan).

Mejor Dato' Haji Muhammad Said Sulaiman telah membahagikan ejaan Jawi kepada lima jenis, iaitu:

- (a) Ejaan lama yang merupakan ejaan pengaruh Arab tahap kedua.

Contohnya :

Jawi	Rumi
مك	maka
مسد	sudah

(b) Ejaan tua yang merupakan ejaan pengaruh Melayu tahap pertama.

Contohnya :

Jawi	Rumi
اين	ini
ایت	itu

(c) Ejaan baharu yang merupakan ejaan yang menggunakan huruf-huruf vokal yang lengkap (ejaan pengaruh Melayu tahap kedua).

Contohnya:

Jawi	Rumi
بِلِق	bilik
چونتوه	contoh
باڭى	bagi

(d) Ejaan Arab bagi kata-kata Arab seperti دم (dam), واجب (wajib).

(e) Ejaan kemelayuan yang merupakan ejaan kata-kata Arab yang dimelayukan.

Contohnya :

Ejaan Melayu	Ejaan kata-kata Arab
ربلا	(daripada رضا)
قدولي	(daripada فضول)

Haji Muhammad Said memilih ejaan baru dan bersifat kemelayuan.

Contohnya, ejaan Pakatan "sungguh" dieja dengan سقکه سقکوه ، و سقکوه dan

سوغکوه pada masa dahulu tetapi beliau telah memilih ejaan سوغکوه dan menolak

yang lain. Namun begitu, pedoman ejaan ini terlalu ringkas dan banyak perkara yang tidak dibahaskan (Amat Juhari Moain, Nov 1991:1007-1008).

2.6.2 Daftar Ejaan Melayu : Jawi-Rumi (Ejaan Za'ba)

Buku *Daftar Ejaan Melayu : Jawi Rumi* ini telah disusun oleh Za'ba dan telah diterbitkan pada tahun 1938. Dalam buku tersebut, Za'ba telah memberikan panduan-panduan ejaan yang lengkap dan terperinci tentang ejaan Jawi. Beliau juga lebih cenderung kepada sistem ejaan pengaruh Melayu tahap kedua (Amat Juhari Moain, Nov 1991:1008).

Menurut Amat Juhari Moain (1996:82-86) bahawa Za'ba telah membahagikan sistem ejaannya kepada dua bahagian yang besar, iaitu ejaan pada perkataan asal dan ejaan perkataan bertambah. Bagi ejaan pada perkataan asal dipecahkan lagi kepada lapan pecahan kecil, iaitu:

- (a) Ejaan dua bunyi sejenis.

Contohnya :

Jawi	Rumi
سای	saya
مات	mata

- (b) Ejaan dua bunyi yang berlainan.

Contohnya :

Jawi	Rumi
جوري	curi
بغكوق	bengkok

- (c) Ejaan bunyi di atas berpadu

Contohnya :

Jawi	Rumi
بیلڠ	bilang
فتح	petang

- (d) Ejaan bagi perkataan bunyi berkait.

Contohnya :

Jawi	Rumi
بوت	buat
هیاس	hias
لاین	lain

- (e) Alif, wau dan ya saksi berjumpa dengan alif, wau dan ya yang bukan saksi.

Contohnya :

Jawi	Rumi
layu	layu
باوا	bawa
رويڠ	ruyung

(f) Ejaan tua. Contohnya :

Jawi	Rumi
دان	dan
واع	wang
فـ	pada

(g) Perkataan yang dipinjam daripada Arab. Dalam kaedah ini, ejaan kata-kata Arab dikekalkan seperti dalam ejaan asal kecuali pada tiga tempat:

(i) apabila telah biasa dieja orang menyalahi kaedah asalnya.

Contohnya :

Jawi	Rumi
فـلو	perlu
رـلا	rela
معـنا	makna

(ii) apabila bunyi telah terpaling

Contohnya :

Jawi	Rumi
فَدُولِي	(daripada فضولي)
مِبْذِير	(daripada مبذير)

(iii) telah masuk penambah atau imbuhan Melayu.

Contohnya :

Jawi	Rumi
عَالَم	كعاليمن
وارث	مواريثي

Manakala bagi perkataan bertambah, Za'ba memecahkannya kepada tiga pecahan kecil, iaitu :

- (a) Ejaan bagi perkataan yang dimasukkan penambah dipangkal.

Contohnya :

Jawi	Rumi
كملاك	ke Melaka
كاٰتس	ke atas
براس	berasa
دسيتو	di situ
قراتوس	Peratus

- (b) Ejaan bagi perkataan yang dimasukkan penambah dihujung.

Contohnya :

Jawi	Rumi
ادان	adanya
ایغرون	inipun
بودق ۲	budak-budak
اداکن	adakan
چوباءن	cubaan
انق ۲ کو	anak-anakku
داتفی	datangi
بواه ۲ هن	buah-buahan
بوغعا ن	bunga-bungaan

(c) Ejaan bagi perkataan yang dimasukkan penambah dipangkal dan dihujung.

Contohnya : مبارڪ (menyabarkan)

Sistem ejaan Za'ba ini merupakan satu sistem yang tersusun dengan baik, bersistem serta meliputi segala segi ejaan kecuali untuk kata-kata Inggeris yang baru diserap serta kata-kata singkatan. Namun demikian, ejaan ini masih mempunyai beberapa kekurangan dan kelemahan.

2.6.3 Sistem Ejaan Dian

Amat Juhari Moain (dalam Jurnal Dewan Bahasa, Nov 1991:1009) menyatakan bahawa pihak *Majalah Dian* telah mengemukakan sistem ejaan Jawi baru yang berdasarkan ejaan fonetik iaitu mengeja perkataan mengikut sebagaimana perkataan tersebut dilafazkan. Sistem ejaan ini telah diperkenalkan kepada masyarakat pada tahun 1973. Contohnya :

Jawi	Rumi
فدا	pada
داری	dari
کفادا	kepada

Walaupun pedoman ini agak ringkas isinya tetapi asasnya kukuh dan jelas, iaitu sistem ejaan ini adalah mengikut sistem ejaan Jawi pengaruh Melayu tahap kedua. Sistem ejaan ini benar-benar mengubah apa yang telah menjadi tradisi selama ini. *Ejaan Pakatan* dan *Za'ba* masih mengekalkan ejaan kata-kata yang telah terbukti ejaannya selama ini, sama ada mengikut sistem ejaan pengaruh Arab atau ejaan pengaruh Melayu peringkat pertama seperti مك , جك tetapi dalam sistem *Ejaan Dian* ini segala-galanya itu diubah. Pendeknya, sistem Jawi pengaruh Melayu peringkat kedua diikuti sepenuhnya. Kata-kata tersebut di atas diubah ejaannya menjadi ماکا ، جيڪا .

Sistem ejaan ini benar-benar memenuhi kehendak dan selera masyarakat baru yang inginkan sistem ejaan yang teratur dan mengikut kaedah yang tersusun dengan baik dan mudah serta tidak memerlukan tenaga ingatan yang banyak. Apalagi kata-kata bahasa Melayu memang sesuai untuk dieja mengikut fonetik atau fonemik. Bahkan *Ejaan Dian* juga telah memperkenalkan kaedah membezakan ejaan antara 'o', dengan 'u' dan 'e' dengan 'i' dalam sistem ejaannya yang selama ini menjadi kekurangan pada tulisan Jawi (Amat Juhari Moain, 1996:89).

Namun begitu, dalam sistem ejaan ini, pengecualian-pengecualian masih wujud dan terdapat juga kelemahan-kelemahan yang lain. Selain itu, sistem ejaan ini tidak dapat berkembang kerana penyebaran *Majalah Dian* sangat terbatas. Kemudiannya, majalah ini telah mengadakan edisi Rumi dan akhirnya tidak terbit sama sekali (Amat Juhari Moain, Nov 1991:1009).

2.6.4 Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan

Sistem ejaan Jawi yang disempurnakan adalah berdasarkan kepada sistem ejaan Jawi Za'ba dengan beberapa perubahan dan penyesuaian yang tertentu bagi menampung perkembangan baru yang berlaku dalam bahasa Melayu. Namun, orientasinya lebih kepada sistem ejaan Jawi pengaruh Melayu tahap kedua. Sistem ini bermula daripada bengkel ejaan Jawi di Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1983. Hasilnya, sebuah kertas kerja telah dibentangkan di Konvensyen Kebangsaan Tulisan Jawi yang diadakan di Kuala Terengganu pada bulan April 1984. Pada tahun 1986, sebuah buku pedoman ejaan yang disempurnakan telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang berjudul *Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan*. Akhirnya, pada tahun 1988, diterbitkan pula buku *Daftar Ejaan Rumi-Jawi* oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang berdasarkan *Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan*.

(a) Huruf-huruf Ejaan Jawi yang Disempurnakan

Huruf-huruf Arab diterima kesemuanya. Begitu juga dengan huruf-huruf Jawi yang telah wujud selama ini. Sebagai tambahan, satu huruf baru telah dicipta, iaitu huruf **ج** (va) untuk transliterasi Jawi bagi huruf [v] rumi. Dengan itu, terdapat enam tambahan kepada huruf Arab asli yang sedia ada. Huruf-huruf tersebut ialah **ج، ف، ن، ش، ك، ق**.

(b) Sistem ejaan

(1) Ejaan bagi ekasuku diberi pedoman dalam sistem ini iaitu setiap kata dieja dengan membubuh huruf saksi (vokal) kecuali kata-kata istilah agama daripada bahasa Arab. Contohnya :

Jawi	Rumi
دان	dan
جام	jam
راس	ras

Kata-kata yang dikecualikan ialah kata-kata Arab yang menjadi istilah agama. Contohnya :

Jawi	Rumi
صح	sah
شك	syak
مد	mad

(2) Ejaan bagi kata-kata dwisuku, trisuku dan lain-lain hendaklah dieja dengan menggunakan huruf-huruf vokal sepenuhnya kecuali kata istilah agama dalam bahasa Arab. Dengan itu, ejaan-ejaan lama telah diubah sekalipun telah mantap. Contohnya :

Rumi	Jawi
tujuh	تَوْجُوهٌ
puluhan	فُولُونِي
bodoh	بُرْدُونِي

(3) Pada kata penambah atau imbuhan diadakan beberapa penyesuaian dan pengemasan. Antaranya ialah :

(a) awalan **ـ** (se) dan **ـكـ** (ke)

Jika awalan **ـ** (se) dan **ـكـ** (ke) ditambahkan pada kata akar atau dasar yang bermula dengan huruf alif (**ا**), maka huruf hamzah (**ءـ**) perlu ditambah ditengah-tengah. Contohnya :

Rumi	Jawi
Seekor	ساعيڪور
ke Amerika	ڪاءُمريڪ

(b) Akhiran **ـهـ** - an

Pedoman bagi akhiran **ـهـ** (-an) dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu:

(i) **ـهـ** digunakan apabila kata akar atau dasar berakhir dengan huruf alif (**ا**).

Contohnya :

Rumi	Jawi
Paksaan	فَقْسَاءْن
Siksaan	سِقْسَاءْن

(ii) Akhiran ان digunakan apabila kata dasar atau akar berakhir dengan huruf-huruf selain huruf alif (ا) dan wau (و).

Contohnya :

Rumi	Jawi
Tinjauan	تِينجاوان
Kerisauan	كُرِيسَاوان

(iii) Akhiran ُ digunakan apabila kata akar atau dasar berakhir dengan huruf-huruf selain huruf alif (ا) dan wau (و).

Contohnya :

Rumi	Jawi
Kewujudan	كوجوْدَن
Takrifan	تعرِيفَن

(c) Akhiran ي - i

Ia dibahagikan kepada dua iaitu ي و dan ي .

- (i) Akhiran ي digunakan apabila kata dasar atau akar berakhir dengan huruf alif (ا) atau wau (و).

Contohnya :

Rumi	Jawi
dikuasai	دْكواسَاءِي
dibaharui	دْبَهارُوَءِي

(ii) Akhiran **ي** yang digunakan apabila kata akar atau dasar berakhir dengan huruf-huruf selain huruf alif (') dan wau (و).

Contohnya :

Rumi	Jawi
dibasahi	دِبَاسَهِي
diingkari	دِيْغَكْرِي

Daripada contoh yang diberikan di atas, jelas terdapat beberapa perubahan daripada sistem *Ejaan Za'ba*. Namun, perubahan ini adalah untuk menyelaraskan ejaan yang belum begitu tuntas ditangani oleh Za'ba.

(c) Penggunaan huruf **ق** dan **ك**.

Dalam sistem *Ejaan Jawi Yang Disempurnakan*, dibezakan penggunaan huruf **ق** dan **ك** pada akhir kata sebelum kesenyapan. Huruf **ق** hanya digunakan untuk kata-kata asli bahasa Melayu atau kata-kata Arab yang dimelayukan.

Contohnya :

Rumi	Jawi
budak	بُوْدَق
clok	أِيلُوق

Manakala huruf **ك** pula digunakan pada kata-kata yang diserap daripada bahasa Inggeris .

Contohnya :

Rumi	Jawi
intelek	اِيْتَلِيك
subjek	سُوبِيِك

(d) Pedoman ejaan kata-kata asing

Dalam pedoman ejaan ini juga terdapat pedoman untuk mengeja kata-kata bahasa asing terutamanya Arab dan Inggeris. Bagi kata-kata yang dipinjam daripada bahasa Arab terdapat dua pedoman :

- (i) Kata-kata Arab yang bukan istilah agama dan telah sebatи dalam bahasa Melayu hendaklah dieja mengikut sistem bunyi bahasa Melayu.

Contohnya :

Rumi	Jawi
sejarah	سجاره
taraf	تارف

- (ii) Kata-kata Arab yang merupakan istilah agama hendaklah dikenalkan ejaannya seperti dalam bahasa Arab.

Contohnya :

Rumi	Jawi
hukum	حکم
ijtihad	اجتہاد

Manakala bagi kata-kata pinjaman daripada bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa asing yang lain kecuali bahasa Arab, maka hendaklah dieja mengikut sebagaimana kata-kata pinjaman itu dilafazkan berdasarkan sistem bunyi bahasa Melayu. Contohnya:

Rumi	Jawi
sosialis	سوسياليس
konfrontasi	كونفرونتاسي

(e) Pengejaan Diftong

Diftong dieja dengan menambah huruf saksi atau vokal. Terdapat tiga jenis diftong iaitu ai, au, dan oi.

Contohnya :

Diftong	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
ai	pantai	فتساي
au	pulau	فولاو
oi	amboi	امبوي

Dalam sistem *Ejaan Jawi Yang Disempurnakan* dibezakan ejaan bagi kata-kata yang berbeza sebutan sekalipun dieja sama sahaja dalam sistem *Ejaan Za'ba* (bentuk homograf). Contohnya :

Kata	Ejaan Jawi Yang Disempurnakan	Ejaan Za'ba
Kancing	كأنچيڠ	کچيڠ
Kencing	کچيڠ	کچيڠ

Ejaan Jawi Yang Disempurnakan adalah lebih baik kaedahnya kerana sistem ejaan ini menyempurnakan sistem *Ejaan Za'ba*. Namun demikian, kelemahan masih tetap wujud kerana sistem ejaan ini masih terikat dengan sistem *Ejaan Za'ba*. Contohnya, sistem ejaan ini masih tetap mengekalkan ejaan kata-kata seperti **ف** (pada), **اد** (ada), **مك** (maka), dan **جك** (jika) seperti dalam ejaan Za'ba.

Selain itu, terdapat ejaan dalam sistem ejaan ini yang kurang sesuai dengan sistem sebutan baku sekarang iaitu bagi orang yang belum mahir dengan sebutan baku.

Dari segi yang lain, sistem *Ejaan Jawi Yang Disempurnakan* adalah lebih baik daripada sistem *Ejaan Za'ba* (Amat Juhari Moain, 1996:92-101).

2.7 HUBUNGAN TULISAN JAWI DENGAN BAHASA MELAYU

Tulisan Jawi adalah merupakan tulisan asal bagi bahasa Melayu walaupun sebelum itu terdapat beberapa sistem tulisan yang pernah digunakan oleh bahasa Melayu. Tulisan Jawi digunakan dalam pelbagai bidang kehidupan pengguna bahasa Melayu termasuklah dalam bidang pentadbiran, keagamaan, pendidikan, dan lain-lain lagi. Tanpa tulisan Jawi, bahasa Melayu tidak mungkin menjadi bahasa antarabangsa atau *lingua franca* bagi kepulauan Melayu kerana melalui tulisan Jawi inilah yang telah mengangkat martabat bahasa Melayu itu sendiri.

Satu hakikat sejarah yang jelas dan nyata ialah perkaitan yang erat antara perkembangan dan pengutuhan bahasa Melayu dengan kemasukan dan penegakan Islam di kepulauan Melayu. Akibat daripada penegakan dan pengutuhan Islam itulah telah muncul satu sistem tulisan iaitu sistem tulisan Jawi. Oleh itu, perkembangan dan pengutuhan bahasa Melayu itu juga mempunyai hubungan yang erat dengan tulisan Jawi. Bahasa pengantar, pengucapan dan penyebaran agama Islam di kepulauan Melayu adalah bahasa Melayu (Hashim Musa, 1994:7) yang menggunakan sistem tulisan Jawi. Bahkan Gugusan pulau-pulau yang ada di Tenggara Asia mendapat jolokan nama Kepulauan Melayu kerana bahasa perhubungan atau *lingua francanya* adalah bahasa Melayu yang menggunakan tulisan Jawi walaupun di sesetengah tempat yang lain tulisan Jawi dikenali dengan nama yang lain.

Bahasa Melayu mencapai taraf sebagai bahasa perhubungan antarabangsa di kepulauan Melayu kerana peranannya sebagai bahasa pengantar dan bahasa penyebaran bagi agama Islam di seluruh kawasan ini (S.M.Naquib al-Attas, 1972:5 petikan Hashim Musa, 1994:7). Dengan lain perkaitan, agama Islamlah yang telah mengangkat dan memantapkan bahasa Melayu ke taraf *lingua franca* dan juga bahasa kebudayaan dan keilmuan yang tinggi sehingga kini telah mempunyai lebih daripada 180 juta penuturnya. Dengan itu, kemasukan agama Islam yang telah membawa bersama-samanya tulisan Jawi yang telah mengangkat martabat bahasa Melayu.

Bahasa Melayu yang menggunakan sistem tulisan Jawi juga digunakan sebagai bahasa antarabangsa kerana kebanyakan penuturnya adalah beragama Islam dan sebagai penganut agama Islam mereka menerima Islam melalui perantaraan bahasa Melayu yang bertulisan Jawi. Inilah yang menyebabkan mereka memahami dan menggunakan bahasa Melayu selain daripada bahasa-bahasa ibunda mereka sendiri. Daripada bukti-bukti sejarah, kitab-kitab mengenai agama Islam di dalam bahasa Melayu yang bertulisan Jawi tertulis (asli atau terjemahan) di merata pelusok Kepulauan Melayu.

Dengan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa dalam pengajaran agama Islam di seluruh pelusuk Kepulauan Melayu, maka tidak menjadi perkara yang mustahil bahasa Melayu digunakan juga untuk perhubungan antarabangsa dalam bidang-bidang yang lain seperti perniagaan, perkапalan dan sebagainya iaitu bidang-bidang yang melibatkan pengguna-pengguna daripada suku

bangsa dan bahasa yang berbeza-beza. Dengan sebab itulah, bahasa Melayu ini boleh difahami oleh orang-orang Bugis, Jawa, Banjar dan lain-lain di Kepulauan Melayu ini. Hal ini dapat dipertahankan dengan hujah bahawa bahasa Melayu telah menjadi bahasa pengantar Islam di seluruh Kepulauan Melayu, sehingga pada abad ke-16, Bahasa Melayu telah mencapai peringkat bahasa sastera dan agama yang luhur (Awang Sariyan, 1995:5). Bahkan begitu meluasnya penggunaan bahasa Melayu yang bertulisan Jawi ini, sehingga paderi penyebar agama Kristian menggunakan bahasa Melayu dan mempelajari tulisan Jawi untuk menyebarkan agama mereka (misalnya oleh Werndly, 1731, 1958) ke dalam bahasa Melayu di dalam tulisan Jawi (Lihat Marsden, ibid:xxxviii dan facsimile terjemahan kitab Injil:Genesis, Chap XLV, ibid:221, petikan Hashim Musa, 1994:9).

Sebagai kesimpulannya, dengan latar belakang perkembangan bahasa Melayu yang sedemikian, maka tidak hairanlah terdapat kaitan yang erat antara agama Islam yang membawa bersamanya tulisan Jawi dengan bahasa Melayu yang telah menggunakan tulisan Jawi sebagai sistem tulisannya yang utama.

2.8 KEPENTINGAN DAN PERANAN TULISAN JAWI

Tulisan Jawi mempunyai kepentingan dan peranannya yang tersendiri bagi golongan masyarakat terutamanya masyarakat Melayu walaupun penggunaannya tidak begitu meluas. Kepentingan dan peranannya itu sebenarnya akan dapat mengangkat martabat bangsa dan bahasa Melayu itu sendiri. Ini kerana tanpa tulisan

Jawi, bahasa Melayu tidak akan menjadi bahasa *lingua franca* bagi kepulauan Melayu pada suatu masa dahulu. Melalui peranan tulisan Jawilah yang telah mengangkatkan martabat bahasa Melayu dan bangsa Melayu apabila ia digunakan oleh seluruh bangsa yang datang ke kepulauan Melayu untuk berkomunikasi sesama mereka. Golongan penjajah juga sanggup mempelajari tulisan Jawi kerana minat mereka yang mendalam terhadap tulisan Jawi walaupun terdapat juga sesetengah daripada mereka yang mempelajari tulisan Jawi kerana terdapat tujuan atau kepentingan yang lain.

Tulisan Jawi sememangnya telah menyatukan seluruh umat Melayu melalui media persuratan bukan hanya setakat seabad dua bahkan jauh lebih lama daripada itu. Buktinya dapat kita perhatikan penyusunan karya-karya dalam tulisan Jawi dan disebarluaskan ke daerah lain di Alam Melayu ini. Pada hari ini, kita masih dapat membaca kitab *Sirat al-Mustaqim* karangan al-Syeikh Nuruddin al-Raniri yang siap ditulis pada 1044 tahun Hijrah di Acheh. Selain itu, kita juga dapat membaca kitab *Hidayat al-Salikin* karangan al-Syeikh Abdul Samad al-Falambani yang siap ditulis kira-kira dua abad yang lalu di Palembang. *Kitab Sabil al-Muhtadin* karangan al-Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari yang terbit di Banjarmasin juga masih dapat kita baca sekarang. Dengan itu, jika tempat-tempat terbitnya kitab-kitab itu dicantumkan, jelaslah kepada kita lingkungan wilayah tulisan Jawi ini yang sememangnya telah menyatukan kita di seluruh Alam Melayu ini (Hamdan Abdul Rahman dalam Dewan Bahasa, November 1987).

Tulisan Jawi iaitu pengetahuan membaca dan menulisnya amat besar peranannya dalam kerja-kerja penyelidikan yang berkaitan dengan bahasa Melayu. Penyelidikan terhadap bahasa Melayu moden mungkin tidak perlu menggunakan pengetahuan tulisan Jawi kerana banyak bahan tertulis secara rata-rata menggunakan tulisan huruf Rumi. Tetapi, bahan-bahan tertulis bagi bahasa Melayu klasik misalnya, dapat dikatakan semuanya tertulis dalam tulisan Jawi dan mutu tulisannya (dalam bahasanya) itu memerlukan pengetahuan Jawi yang agak tinggi.

Seseorang yang mengetahui tulisan Jawi akan dapat membezakan sama ada sesuatu ayat itu ayat al-Quran ataupun tidak. Ini kerana sistem tulisan Jawi tidaklah sama dengan sistem ejaan bahasa Arab walaupun sebilangan besar huruf-huruf yang ada dalam abjad tulisan Jawi adalah huruf Arab jati. Contohnya :

بربکم اداله ساله ساتو چارا فراوبن ترادیسیونل د کالفن اور غ ۲ اسلام

Orang-orang yang tahu sistem ejaan Jawi akan membacanya sebagai :

"*Berbekam adalah salah satu cara perubatan tradisional di kalangan orang-orang Islam*".

Sebaliknya, mungkin ada orang yang menyangka bahawa 'بربکم' itu adalah kata dalam bahasa Arab 'Bi Rabbi Kum' (بربکم) yang bermakna 'dengan Tuhanmu'. Hal ini tentunya dapat dielakkan jika seseorang itu pernah belajar sistem ejaan Jawi.

Sebelum negara kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, tulisan Jawi juga digunakan dalam kerja-kerja pentadbiran seperti dalam urusan-urusan mengenai hartanah, perbicaraan-perbicaraan di mahkamah majistret, nikah kahwin dan sebagainya. Jika pengetahuan orang-orang sekarang tentang tulisan Jawi begitu rendah maka ada masanya mereka akan menghadapi kesukaran jika mereka perlu membuat kajian atau penyelidikan yang berkaitan dengan bahan-bahan bertulis dalam tulisan Jawi itu, walhal bahan-bahan tersebut masih banyak terlibat dalam penggunaan rasmi masyarakat kini. Di sinilah letaknya kepentingan pengetahuan tulisan Jawi.

Selain itu, tulisan Jawi juga berguna sebagai rujukan bagi sebutan kata-kata pinjaman. Ini kerana, dalam bahasa Melayu terdapat banyak kata-kata pinjaman daripada bahasa Arab seperti kata istilah-istilah khusus agama Islam. Jika tulisan Jawi digunakan secara berdampingan dengan tulisan Rumi (misalnya ada senarai Ejaan Rumi dan Ejaan Jawi secara bergandingan) seperti yang pernah diusahakan oleh Za'ba dan Dewan Bahasa dan Pustaka sekarang, maka kekeliruan terhadap cara menyebut sesuatu kata tidak mungkin berlaku secara berleluasa. Contohnya ialah istilah khusus seperti "Allah" yang dalam ejaan Jawi dan ejaan Arabnya ialah "الله".

Jika seseorang tidak tahu akan ejaan Jawi atau tidak tidak belajar menyebutnya dengan betul (walaupun dalam ejaan Rumi), seseorang itu akan menyebutnya sebagai 'Al + lah' tanpa menebalkan gabungan bunyi dua huruf 'l' yang mewakili huruf 'J'

(Lam Jalalah) dalam tulisan Jawi atau Arab (Awang Mohamad Amin, Disember 1989:939-940).

Pengetahuan tentang tulisan Jawi juga amat penting bagi memudahkan seseorang itu membaca al-Quran dan memahami buku-buku agama yang kebanyakannya dalam tulisan Jawi. Kemahiran Jawi ini penting dikuasai oleh masyarakat kerana ia dapat membantu memudahkan seseorang itu mempelajari al-Quran seperti mana yang dinyatakan dalam falsafah tulisan Jawi sistem MAKPRA (1991) :

"Tulisan Jawi merupakan satu warisan bangsa Melayu yang dibina berdasarkan huruf-huruf Quran yang dapat membantu pembelajaran al-Quran."

Begitulah antara peranan yang dimainkan oleh tulisan Jawi dan kepentingannya kepada masyarakat terutamanya masyarakat Melayu. Dengan sebab itulah seluruh masyarakat memainkan peranan yang penting untuk mengekalkan tulisan Jawi supaya tidak hilang dan masyarakat akan datang dapat mempelajarinya dan mengetahuinya dengan sebaik mungkin kerana ia merupakan warisan bangsa Melayu.

2.9 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada pandangan-pandangan serta perbincangan-perbincangan tersebut, bolehlah disimpulkan bahawa tulisan Jawi adalah merupakan satu tulisan yang amat penting terutamanya bagi bangsa Melayu kerana ia merupakan satu tulisan asal bagi bahasa Melayu dan mempunyai keistimewaan-

keistimewaan yang tersendiri. Tulisan Jawi telah mengalami beberapa perkembangan dalam sistem ejaannya seperti sistem ejaan yang bercirikan huruf Arab dan juga sistem ejaan yang bercirikan huruf Melayu. Begitu juga terdapat beberapa perubahan yang telah dilakukan melalui perancangan-perancangan serta pedoman-pedoman untuk tulisan Jawi seperti terdapatnya Pedoman Bagi Hejaan P.Bm.P.B Diraja (*Ejaan Pakatan*), *Ejaan Za'ba*, *Ejaan Dian* dan juga *Ejaan Jawi Yang Disempurnakan*. Tulisan Jawi juga mempunyai hubungan yang amat rapat dengan bahasa Melayu. Tanpa tulisan Jawi, bahasa Melayu tidak mungkin akan dapat menjadi bahasa *lingua franca* kerana tulisan Jawilah yang digunakan oleh bahasa Melayu sebagai tulisannya yang utama sebelum tulisan Rumi diperkenalkan.